

**TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA
PROFESOR DATUK TS. DR. SHAHRIN SAHIB @
SAHIBUDDIN, FASC
NAIB CANSELOR, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN
VISI, MISI, FALSAFAH DAN OBJEKTIF BAHARU
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

13 NOVEMBER 2025 | KHAMIS

**DEWAN KONSERT SERI BUDIMAN
UiTM SHAH ALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

ALHAMDULILLAHI ROBBIL 'AALAMIIN
WASOLAATU WASSALAAMU 'ALAA ASYRAFIL
ANBIYA WAL MURSALIN
WA 'ALA ALIHI WASOHBIBI AJMA'IN.

Yang Dihormati,

- Yang Berbahagia Pengerusi,
- Barisan Ahli Lembaga Pengarah Universiti
- Barisan Pengurusan Kanan Universiti
- Barisan Majlis Profesor
- Para pemimpin persatuan dan kesatuan
- Wakil Majlis Perwakilan Pelajar, serta
- Semua warga UiTM.

**Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh,
salam sejahtera, salam Malaysia Madani dan
salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, hari ini kita berhimpun untuk menyaksikan satu memori penting dalam perjalanan UiTM iaitu Majlis Pelancaran **Visi, Misi, Falsafah dan Objektif (VMFO)** Baharu Universiti. Majlis ini bukan sekadar pelancaran sebuah dokumen, tetapi satu deklarasi tekad, bahawa UiTM mesti terus mara, dengan perubahan dunia, di samping memperkukuh mandat sejarahnya.

Mukadimah

Hadirin sekalian,

2. Sejak penubuhan Dewan Latehan RIDA tahun 1956, berkembang daripada sebuah institusi kecil kepada universiti terbesar negara. Namun, falsafah asal tidak pernah berubah, iaitu membina insan, memartabatkan bumiputera dan

menyumbang kepada negara, melalui latihan kemahiran dan keusahawanan.

3. Dari masa ke masa, teknologi, nilai masyarakat, geopolitik, ekonomi dan cara manusia bekerja, berubah dengan begitu pesat. Semua perkara ini mengalami suatu transformasi dan UiTM tidak boleh kekal statik.
4. Perubahan ini menuntut UiTM untuk menyelaraskan semula hala tuju, agar kita kekal relevan, berdaya saing dan mampu memimpin masa hadapan.
5. VMFO baharu digubal bukan hanya kosmetik, bukan untuk suka-suka, tetapi sebagai penjajaran strategik yang mengambil kira:

- tuntutan prasarana dunia digital,
- cabaran kemanusiaan dan nilai,
- keperluan profesional bumiputera yang semakin kompleks, serta
- keperluan membina budaya ilmu dan adab yang seimbang.

6. Natijahnya, VMFO baharu ini adalah respon UiTM terhadap cabaran era baharu, agar amanah universiti dapat diteruskan dengan lebih jelas dan terarah.

Naratif Ringkas Sejarah UiTM

Hadirin sekalian,

7. Perjalanan UiTM bermula pada **tahun 1956** dengan penubuhan **Dewan Latehan RIDA**, yang fokusnya memperkasa masyarakat Melayu dan bumiputera melalui latihan kemahiran, keusahawanan dan pendidikan

awal bagi belia luar bandar. Pengambilan pelajar pertama adalah seramai **25 orang**, dihantar untuk mengikuti kursus **London Chamber of Commerce** dan kursus untuk peniaga-peniaga kecil.

8. Sesungguhnya, misi utama ini sangat jelas iaitu membina kehidupan masyarakat desa dan meningkatkan taraf ekonomi bumiputera.
9. Pada **tahun 1965**, RIDA berkembang menjadi **Maktab MARA**, selaras dengan resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera yang menuntut peluang lebih luas dalam latihan dan pendidikan profesional untuk anak bangsa.
10. Dua tahun kemudian, pada **1967**, lahirlah **Institut Teknologi MARA (ITM)** dengan autonomi penuh sebagai institusi yang bukan

sahaja melatih, tetapi mendidik dan membangunkan tenaga profesional Melayu dan bumiputera dalam pelbagai bidang kritikal negara.

11. Seterusnya, transformasi penting berlaku pada **1996**, apabila **pindaan Akta ITM** yang membolehkan institut berfungsi setara dengan universiti awam, agar dapat menjalankan penyelidikan, menawarkan program francais serta meluaskan cawangan.
12. Kemuncaknya, pada tanggal **26 Ogos 1999**, satu lagi tarikh bersejarah terukir apabila ITM diisytihar secara rasmi menjadi **Universiti Teknologi MARA (UiTM)** oleh YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia keempat, bersempena perasmian Perhimpunan Siswazah ITM.

13. Dengan itu lahirlah UiTM, sebuah universiti yang memikul amanah sebagai institusi pendidikan tinggi unggul milik Bumiputera dan berkembang menjadi universiti terbesar di Malaysia dengan kampus di setiap negeri.

Menyelusuri Makna Perubahan VMFO

Hadirin sekalian,

14. Secara ringkas, terlebih dahulu saya ingin memberi definisi istilah Visi, Misi, Falsafah dan Objektif. **Visi** memberikan gambaran masa hadapan yang ingin kita capai; ia menetapkan arah dan aspirasi yang membimbing perjalanan UiTM.
15. **Misi** pula menjelaskan bagaimana untuk kita mencapainya, yang melalui satu pendekatan, strategi dan tindakan yang terancang.

16. **Falsafah** adalah jiwa dan roh universiti. Ia menjadi asas kepada nilai, budaya dan cara kita mengurus ilmu serta membentuk insaniah.
17. Sementara itu, **Objektif** pula menggambarkan sasaran nyata yang menjadi ukuran keberhasilan dan akauntabiliti kita.
18. Oleh itu, **pemantapan jajaran VMFO** ini menjadi keperluan mendesak kerana dunia hari ini berdepan cabaran yang semakin kompleks, dengan perubahan teknologi yang pantas, ketirisan nilai dan jati diri, tekanan ekonomi global, serta tuntutan integriti dalam kepimpinan.

Kupasan VMFO Baharu UiTM

Keluarga UiTM yang dikasihi,

19. Sebelum kita melangkah lebih jauh, penting untuk kita menyelami dahulu Visi, Misi, Falsafah dan Objektif baharu UiTM, kerana di sinilah terletaknya arah, jiwa dan tujuan, yang akan memandu diri dan universiti dalam meneruskan amanah besar ini.
20. **Visi baharu UiTM** iaitu “**Universiti Unggul Pemacu Bumiputera Profesional**”, bukan sekadar satu pernyataan aspirasi, tetapi cerminan cita-cita dan amanah besar yang dipikul bersama. Ia menegaskan tekad UiTM untuk terus menjadi institusi peneraju dalam melahirkan tenaga profesional bumiputera yang kompeten, dihormati, dan diyakini pada peringkat global.

21. Frasa '**universiti unggul**' membawa makna bahawa UiTM mesti kekal terkehadapan dalam kecemerlangan akademik, inovasi dan penyelidikan, berteraskan nilai ilmu, adab, integriti dan kesejahteraan insan. Keunggulan ini tidak hanya diukur melalui *ranking* semata-mata, tetapi melalui kualiti graduan yang memiliki kompetensi, etika dan jati diri untuk memimpin dalam pelbagai sektor profesional.

22. Sementara itu, '**pemacu Bumiputera Profesional**' meneguhkan peranan UiTM sebagai institusi yang membentuk mobiliti sosial dan pembangunan sosioekonomi bangsa. Ia adalah kesinambungan legasi RIDA yang komited menyediakan bumiputera

dengan ilmu, kepakaran dan kekuatan karakter demi masa depan tanah air.

Warga UiTM yang dirahmati Allah,

23. **Misi baharu UiTM** adalah “Melonjak keilmuan, adab dan kepakaran bumiputera agar berjiwa usahawan melalui kurikulum termaju, pembangunan bakat, penyelidikan berimpak, dan sinergi industri ke arah kemakmuran tanah air serta kesejahteraan sejagat.”
24. Misi ini memberi hala tuju yang jelas dan menyeluruh, menuntut UiTM membentuk insan yang seimbang melalui **tiga teras** utama, iaitu keilmuan, adab dan kepakaran. Teras ini memperkukuh kecemerlangan akademik sambil memartabatkan budi

pekerti, nilai diri dan integriti sebagai asas kepimpinan masa hadapan.

25. Misi baharu UiTM mengabungkan **tiga** kekuatan utama iaitu:

- **keilmuan** - menekankan kekuatan intelektual dan penyelidikan;
- **adab** - pembentukan karakter, akhlak dan etika; manakala,
- **kepakaran** - menuntut kemahiran professional yang diiktiraf global.

26. Frasa '**berjiwa usahawan**' menegaskan bahawa graduan UiTM harus menjadi generasi yang inovatif, berdaya tahan dan berfikiran maju, dan sekadar pekerja makan gaji.

27. Melalui **‘kurikulum termaju, pembangunan bakat, penyelidikan berimpak dan sinergi industri’** adalah mekanisme penting untuk menggerakkan misi ini, memastikan setiap pelajar mendapat pengalaman pembelajaran yang relevan, dinamik dan bersandar pada realiti masa depan negara.
28. Bagi **falsafah baharu UiTM** pula “Kita percaya Allah SWT menganugerahi manusia dengan bakat, minat dan kecenderungan yang, sekiranya diasuh, dididik dan dilatih dengan sempurna melalui penjanaan, pemindahan dan pengintegrasian ilmu secara terbuka serta penerapan nilai-nilai Islam, mereka berkemampuan menjuarai transformasi diri, masyarakat dan negara.”

29. Dengan kata lain, falsafah ini menegaskan bahawa setiap insan dianugerahi Allah SWT dengan bakat dan potensi yang dapat digilap melalui didikan ilmu dan penerapan nilai Islam.
30. Tiga kata kunci ini penting dalam pembangunan insaniah iaitu **mengasuh**, **mendidik**, dan **melatih**. Tiga perkataan ini adalah tonggak dan nadi dalam pembentukan manusia berilmu, berakhlak dan berkeupayaan memimpin perubahan diri, masyarakat serta negara.
31. Jika kita perincikan, erti kata **diasuh** membawa makna membentuk jiwa dan akhlak. Kata **dididik** pula merujuk kepada penanaman ilmu dan hikmah. Kata **dilatih** merujuk kepada pembentukan kemahiran dan ketangkasan. Ketiga-tiga perkataan ini

menggambarkan proses pembinaan insan yang melibatkan jasmani, rohani, intelek dan emosi.

32. Falsafah ini bukan sekadar untuk pelajar, tetapi untuk **setiap warga UiTM**, agar kita terus berkembang dalam akhlak, kepimpinan dan kebijaksanaan.

Hadirin yang dikasihi,

33. UiTM juga telah menggariskan **10 objektif baharu**. Secara ringkasnya, objektif ini memberi tumpuan kepada:

- akses pendidikan inklusif
- kurikulum terkedepan
- kebolehpasaran graduan
- penyelidikan berimpak tinggi
- jaringan strategik global
- pembangunan insan holistik
- tadbir urus cekap dan berintegriti

- kelestarian kewangan dan organisasi

34. Kesepuluh objektif tersebut memberi tumpuan kepada tiga teras utama, iaitu **kualiti pendidikan, keutuhan nilai, dan kelestarian organisasi.**

35. UiTM komited memperluas akses pendidikan secara inklusif, menawarkan kurikulum terkehadapan, serta memastikan graduannya memiliki kebolehpasaran yang tinggi dan berdaya saing. Pada masa yang sama, universiti memperkukuh penyelidikan berimpak tinggi, jaringan strategik global dan pembangunan insaniah holistik berteraskan adab, integriti dan jati diri nasional.

36. Kesemua ini diperkemas melalui tadbir urus yang cekap, telus dan berintegriti, disokong

oleh pengurusan sumber serta kewangan yang mampan demi kelangsungan universiti untuk generasi akan datang.

37. Secara keseluruhan, objektif baharu ini membentuk UiTM sebagai sebuah universiti yang bukan sahaja mendidik minda, tetapi turut memperkasakan karakter, memacu kemajuan negara, dan menyumbang kepada kesejahteraan sejagat.

Penutup

Hadirin yang dihormati sekalian,

38. UiTM percaya bahawa ilmu tanpa adab tidak membawa kemuliaan, dan adab tanpa ilmu tidak membawa kemajuan. Maka VMFO baharu ini menyatukan nilai kemanusiaan, yakni, hikmah, integriti, jati diri, hormat dan

disiplin, agar UiTM kekal sebagai institusi yang memanusiaikan ilmu. Inilah asas kepada budaya UiTM iaitu belajar, berfikir dan bertindak secara beradab.

39. UiTM bukan sekadar universiti, UiTM adalah tempat anak bangsa datang dengan harapan, dan pulang dengan maruah. UiTM adalah tempat bakat kecil disuburkan menjadi kekuatan besar. UiTM adalah amanah sejarah yang mana, amanah ini mesti kita pikul bersama.

40. Perubahan VMFO ini adalah usaha memastikan UiTM terus berdiri sebagai institusi harapan bumiputera yang kekal relevan, dihormati dan memberi manfaat kepada negara.

41. Akhir kata, saya menyeru seluruh warga UiTM agar menjadikan pelancaran hari ini sebagai permulaan baharu, satu tekad untuk kita bersama-sama mengangkat UiTM sebagai universiti unggul yang berjiwa manusiawi, berteraskan ilmu dan adab, serta menjadi pemacu masa depan bumiputera dan negara.

42. Insya-Allah **Pelancaran Visi, Misi, Falsafah dan Objektif baharu UiTM** akan disempurnakan oleh **YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Mohd Khamil Jamil**. Dan sebelum itu, dengarkan serangkap pantun:

*Benteng Melayu teguh terbina,
Warisan leluhur di tanah pusaka;
Visi baharu dijunjung sepenuh rasa,
Amanah UiTM kita galas bersama.*

Sekian,

Wabillahi TaufiqWalhidayah

Wassalamualaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh.